




# BUKU PANDUAN LATIHAN INDUSTRI

PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA SPACE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA





## **BUKU PANDUAN LATIHAN INDUSTRI**

### **PROGRAM DIPLOMA SPACE**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**



**Edisi Keenam  
Oktober 2023**

**Hakcipta Terpelihara**

Maklumat yang terdapat di dalam buku ini adalah benar pada masa ia dicetak. Universiti berhak untuk membuat pindaan pada bila-bila masa apabila dianggap perlu tanpa sebarang pengumuman terlebih dahulu.

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara juga sama ada dalam bentuk elektronik, salinan, rakaman, visual atau cara lain pada mana-mana bahagian artikel atau ilustrasi atau isi kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Universiti Teknologi Malaysia.

## **PENDAHULUAN**

Buku panduan ini merupakan satu garis panduan bagi menjalankan Latihan Industri yang boleh digunakan oleh Program Diploma Sepenuh Masa, Program Diploma Separuh Masa dan Program Diploma Kerjasama. Di dalam buku ini diterangkan secara ringkas mengenai matlamat, program dan perlaksanaan latihan industri di Pusat Pengajian Diploma (PPD) Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Diharapkan buku ini akan dapat membantu organisasi memainkan peranannya dalam menjayakan program ini disamping memberi sumbangan ke arah pembangunan negara.

Jawatan Kuasa Latihan Industri  
Pusat Pengajian Diploma, SPACE  
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)  
Oktober 2023

## **ISI KANDUNGAN**

	<u>KANDUNGAN</u>	<u>HALAMAN</u>
1.0	PENGENALAN	1
2.0	VISI DAN MISI PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA SPACE	1
3.0	TUJUAN LATIHAN INDUSTRI	2
4.0	OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI	2
5.0	KELAYAKAN MENJALANI LATIHAN INDUSTRI	3
6.0	PENGECUALIAN DARIPADA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI	4
7.0	TAKLIMAT LATIHAN INDUSTRI	5
8.0	TEMPOH LATIHAN INDUSTRI DAN PENEMPATAN	5
9.0	KEHADIRAN PELAJAR DI TEMPAT LATIHAN INDUSTRI	6
10.0	TATATERTIB SEMASA LATIHAN INDUSTRI	7
11.0	INSURAN, RAWATAN PERUBATAN DAN SURAT INDEMNITI	8
12.0	PEMBERITAHUAN ALAMAT MENJALANI LATIHAN INDUSTRI	9
13.0	LAWATAN PENYELIAAN LATIHAN INDUSTRI	9
14.0	TUGAS PENYELIA LATIHAN INDUSTRI	10
15.0	PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI	11
16.0	SYARAT LULUS LATIHAN INDUSTRI	16
17.0	PLAGIAT / CIPLAK	18
18.0	JAWATAN KUASA LATIHAN INDUSTRI PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA SPACE	19
19.0	PENUTUP ADENDUM	19 20

## **SENARAI JADUAL**

<b><u>JADUAL</u></b>	<b><u>PERKARA</u></b>	<b><u>HALAMAN</u></b>
Jadual 1	Ketidakhadiran Latihan Industri dan Tindakan	7
Jadual 2	Komponen Penilaian Latihan Industri 8 kredit Program Diploma Kejuruteraan	14
Jadual 3	Komponen Penilaian Latihan Industri 4 kredit Program Diploma Kejuruteraan	14
Jadual 4	Komponen Penilaian Latihan Industri 8 kredit Program Diploma Bukan Kejuruteraan (Selain Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam)	15
Jadual 5	Komponen Penilaian Latihan Industri 4 kredit Program Diploma Bukan Kejuruteraan (Selain Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam)	15
Jadual 6	Komponen Penilaian Latihan Industri 10 kredit Program Diploma Pengurusan Harta Tanah	16
Jadual 7	Komponen Penilaian Latihan Industri 8 kredit Program Diploma Pengajian Pendidikan Islam	16
Jadual 8	Syarat Lulus Latihan Industri	17

## **1.0 PENGENALAN**

- 1.1 Tujuan buku ini adalah untuk memberikan panduan kepada pelajar diploma di Pusat Pengajian Diploma (PPD) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi Program Diploma Sepenuh Masa, Program Diploma Separuh Masa dan Program Diploma Kerjasama agar dapat menjalani latihan industri yang bersistematik sama ada di dalam atau di luar kampus. Latihan industri ini dianggap sebagai suatu pendedahan yang penting dan berguna kepada pelajar.
- 1.2 Program latihan industri merupakan kursus wajib diikuti oleh setiap pelajar diploma. Jumlah kredit bagi latihan industri adalah 12 kredit (8 Kredit Hadir Wajib dan 4 Kredit Bergred) bagi semua program kecuali program Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pendidikan Pengajian Islam. Bagi program Diploma Pengurusan Harta Tanah (Bergred) pula, jumlah kredit adalah 10 kredit (Bergred) dan Diploma Pendidikan Pengajian Islam adalah 8 kredit (Bergred).

## **2.0 VISI DAN MISI PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA SPACE**

### **VISI**

*Terkenal sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Berterusan.*

### **MISI**

*Menyediakan perkhidmatan pendidikan berterusan yang berkualiti berasaskan sains dan teknologi berdasarkan kaedah operasi yang fleksibel dan mesra pelanggan.*

### **3.0 TUJUAN LATIHAN INDUSTRI**

Latihan industri ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada persekitaran industri sebenar berdasarkan bidang yang diikuti oleh pelajar Program Diploma Sepenuh Masa, Program Diploma Separuh Masa dan Program Diploma Kerjasama.

### **4.0 OBJEKTIF LATIHAN INDUSTRI**

Pelaksanaan latihan industri adalah untuk memenuhi objektif berikut:

- (a) Membolehkan pelajar memerhati, memahami dan mengambil bahagian dalam kerja sebenar selain daripada pelajaran teori yang didapati di dalam bilik kuliah.
- (b) Memberi pelajar peluang bagi mempraktikkan pengetahuan serta pertimbangan keputusan mereka sendiri dalam menjalankan tugas.
- (c) Memperkenalkan pelajar kepada struktur organisasi jabatan atau firma tempat latihan industri dan mengenali peranan jawatan tertentu di dalam organisasi tersebut.
- (d) Melatih pelajar menulis laporan teknikal yang lengkap dan teratur sebagai rujukan dan persediaan memasuki alam pekerjaan.

## **5.0 KELAYAKAN MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

- 5.1 Pelajar adalah layak menjalani latihan industri berdasarkan kepada kelayakan berikut:
- (a) Pelajar telah lulus semua kursus yang perlu diambil sebelum latihan industri.
  - (b) Pelajar mendapat keputusan **Kedudukan Baik (KB)** pada peperiksaan akhir semester sebelum latihan industri.
  - (c) Pelajar yang gagal memenuhi Perkara 5.1(a) dan (b), Peraturan Akademik Bahagian VII Perkara 4 Peperiksaan Khas adalah dirujuk.
- 5.2 Pelajar yang tidak memenuhi sub klaus 5.1, pelajar ini tidak layak menjalani latihan industri kecuali pelajar yang menjalani latihan industri pada Semester 5. Pelajar ini boleh dipertimbangkan kelonggaran berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:
- (a) Sekiranya terdapat mana-mana kursus Umum Universiti yang ditawarkan yang belum diambil atau ditebus dan kredit kursus berkenaan tidak lebih daripada 2 kredit.

**Atau**

- (b) Sekiranya terdapat mana-mana kursus teras bernilai 3 kredit yang masih belum ditebus atau diambil dan kursus tersebut bukan kursus studio.

**Atau**

- (c) Mana-mana kursus yang dibenarkan oleh Jawatan Kuasa Latihan Industri SPACE.

## **6.0 PENGECUALIAN DARIPADA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

- 6.1 Pelajar yang mempunyai pengalaman kerja boleh memohon pengecualian daripada menjalani latihan industri.
- 6.2 Permohonan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya 2 semester sebelum tamat pengajian seperti yang ditetapkan oleh Jawatan Kuasa Latihan Industri.
- 6.3 Pengecualian menjalani latihan industri akan diberikan kepada pelajar yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PPD. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:
  - (a) Mempunyai pengalaman kerja minimum lima (5) tahun dalam bidang yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti.
  - (b) Menyerahkan satu laporan lengkap tentang pengalaman kerja kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri. Laporan tersebut hendaklah disahkan oleh majikan.
  - (c) Berjaya dalam temuduga yang dikendalikan oleh Jawatan Kuasa Latihan Industri.

## **7.0 TAKLIMAT LATIHAN INDUSTRI**

Sebelum bermula tempoh latihan industri, Jawatan Kuasa Latihan Industri akan mengaturkan sesi taklimat kepada semua pelajar yang akan menjalani latihan industri. Tujuan taklimat ini adalah untuk memaklumkan kepada pelajar segala maklumat yang perlu diambil perhatian sebelum pelajar menjalani latihan industri.

## **8.0 TEMPOH LATIHAN INDUSTRI DAN PENEMPATAN**

- 8.1 Tempoh latihan industri bagi semua program adalah selama 16 minggu (4 bulan) kecuali bagi program Diploma Pengurusan Harta Tanah iaitu selama 20 minggu (5 bulan) dan hendaklah dijalankan dalam satu semester lazim pengajian.
- 8.2 Penempatan latihan industri hendaklah melibatkan sektor awam dan swasta seperti jabatan kerajaan, badan berkanun, firma perundingan, firma pemaju, firma pembinaan, sekolah rendah agama dan institusi kewangan yang menepati bidang kursus diikuti oleh pelajar.
- 8.3 Tempat latihan industri hendaklah dicari sendiri oleh pelajar dan perlu mendapat perakuan daripada Jawatan Kuasa Latihan Industri.

## **9.0 KEHADIRAN PELAJAR DI TEMPAT LATIHAN INDUSTRI**

- 9.1 Pelajar yang menjalani latihan industri hendaklah sentiasa mematuhi peraturan hari dan waktu bekerja organisasi berkenaan. PPD membenarkan pelajar memohon maksimum empat (4) hari cuti tidak termasuk cuti umum. Walau bagaimanapun tertakluk kepada kelulusan pihak organisasi. Jika pelajar mempunyai sebarang masalah, pelajar perlu menghubungi dan kemukakan masalah tersebut kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri.
- 9.2 Bagi permohonan cuti kecemasan, pelajar hendaklah memaklumkan kepada organisasi dengan segera. Kelulusan adalah tertakluk kepada budi bicara organisasi. Cuti kecemasan adalah merujuk kepada perkara-perkara berikut:
  - (a) Berlaku kematian ahli keluarga terdekat (ibu/bapa/suami/isteri/anak/saudara kandung atau lain-lain mengikut budi bicara organisasi).
  - (b) Berlaku bencana alam di tempat pelajar menjalani latihan industri (tanah runtuh, gempa bumi, banjir dan lain-lain mengikut budi bicara organisasi).
  - (c) Berlaku kemalangan yang melibatkan pelajar.

- 9.3 Sekiranya pelajar tidak mematuhi atau mengabaikan peraturan yang melibatkan kehadiran, tindakan sewajarnya boleh diambil seperti dinyatakan di dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1 – Ketidakhadiran Latihan Industri dan Tindakan

Bil.	Perkara	Tindakan
1	Tidak hadir 1 hari bekerja tanpa kebenaran organisasi	Amaran 1
2	Tidak hadir 5 hari bekerja tanpa kebenaran organisasi	Amaran 2
3	Diberhentikan oleh organisasi atas ketidakhadiran	Gagal latihan industri
4	Jumlah tidak hadir keseluruhan melebihi 20% daripada tempoh latihan industri tidak termasuk kebenaran cuti oleh organisasi, cuti sakit dan cuti kecemasan	Gagal latihan industri

- 9.4 Jawatan Kuasa Latihan Industri boleh mengambil tindakan disiplin terhadap pelajar yang tidak mematuhi peraturan kehadiran di organisasi dengan memberikan keputusan Hadir Gagal (HG).

## 10.0 TATATERTIB SEMASA LATIHAN INDUSTRI

- 10.1 Semasa pelajar menjalani latihan industri, pelajar hendaklah sentiasa berkelakuan baik, bersopan santun, berpakaian kemas dan menunjukkan sifat-sifat keperibadian yang baik kepada industri. Ini sangat penting demi menjaga nama baik Universiti dan pelajar.

- 10.2 Pelajar hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan oleh industri. Pelajar dinasihatkan tidak melibatkan diri dalam kegiatan kesatuan sekerja di tempat latihan atau melakukan apa-apa yang dilarang oleh Akta Universiti. Walau apa juga keadaan yang mungkin terdapat di dalam industri itu, pelajar tidak boleh berdebat atau mempersoalkan sesuatu kepada organisasi tersebut tanpa merujuk kepada pihak berkuasa Universiti.
- 10.3 Sebarang salah laku hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri dan / atau industri tersebut.

## **11.0 INSURAN, RAWATAN PERUBATAN DAN SURAT INDEMNITI**

- 11.1 Semua pelajar yang menjalani latihan industri akan dilindungi dengan-insuran secara takaful berkelompok. Jenis perlindungan adalah berdasarkan kepada pelan '*Group Personal Accident Takaful*' (GPAT) yang meliputi kecederaan tubuh (*bodily injury*) yang mungkin dialami oleh pelajar semasa menjalani latihan industri dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang terkandung dalam sijil GPAT.
- 11.2 Semasa menjalani latihan industri, jika pelajar memerlukan sebarang rawatan perubatan, pelajar boleh mendapatkan rawatan di klinik atau hospital kerajaan. Dalam kes-kes kecemasan dan jika tiada klinik atau hospital kerajaan di daerah tempat latihan, pelajar boleh dibawa ke klinik atau hospital swasta untuk mendapatkan rawatan segera. Semua perbelanjaan yang mungkin dikenakan boleh dituntut semula dari pihak UTM dengan menyertakan resit/dokumen yang berkaitan.

- 11.3 Jawatan Kuasa Latihan Industri akan menyerahkan Surat Indemniti kepada industri yang menerima pelajar bagi menjalani latihan industri.

## **12.0 PEMBERITAHUAN ALAMAT MENJALANI LATIHAN INDUSTRI**

Pelajar yang menjalani latihan industri di seluruh negara dikehendaki mengemukakan alamat lengkap organisasi pelajar menjalani latihan industri selewat-lewatnya dua (2) minggu setelah melaporkan diri di tempat latihan industri dengan menggunakan **Borang Pengesahan Melaporkan Diri** yang disertakan di dalam Buku Log. Pelajar tidak dibenarkan bertukar atau berpindah ke organisasi lain kecuali mendapat kebenaran daripada Jawatan Kuasa Latihan Industri.

## **13.0 LAWATAN PENYELIAAN LATIHAN INDUSTRI**

- 13.1 Tujuan lawatan penyeliaan latihan industri adalah untuk memantau dan memberi nasihat kepada pelajar serta berbincang dengan pelajar dan majikan masalah yang tertentu semasa menjalani latihan industri. Lawatan ini juga bertujuan menjalinkan dan meluaskan jaringan antara Universiti dan industri.
- 13.2 Jawatan Kuasa Latihan Industri akan menetapkan sesi lawatan oleh penyelia yang terdiri daripada staf akademik PPD / kolej kerjasama untuk melawat pelajar di tempat latihan industri.
- 13.3 Permohonan tuntutan dan bayaran elaun perjalanan dan lain-lain elaun yang berkaitan kerana menjalankan urusan rasmi penyeliaan latihan industri oleh penyelia akademik PPD yang dilantik hendaklah dikemukakan kepada PPD bagi pelajar

pengajian sepenuh masa dan pejabat Pusat Pengajian Separuh Masa bagi pelajar separuh masa. Bagi penyeliaan pelajar program kerjasama, tuntutan tersebut hendaklah dikemukakan kepada kolej kerjasama yang berkenaan.

## **14.0 TUGAS PENYELIA LATIHAN INDUSTRI**

Tugas penyelia adalah seperti berikut:

- (a) Melawat pelajar di tempat latihan industri dan menyediakan laporan bertulis dengan menggunakan borang-borang yang telah ditetapkan dan menyerahkan laporan tersebut kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri sebaik sahaja selesai lawatan tersebut dijalankan.
- (b) Menyelaras, membimbing dan memberi panduan kepada pelajar yang sedang menjalani latihan industri.
- (c) Berusaha menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa menjalani latihan. Sekiranya masalah ini tidak dapat diselesaikan, ia hendaklah dilaporkan kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri dengan segera.
- (d) Menyemak dan memberikan maklumbalas berhubung dengan buku log yang disediakan oleh pelajar semasa seliaan dijalankan.
- (e) Berbincang dengan penyelia organisasi mengenai jadual latihan pelajar dan kehadiran pelajar di bawah penyeliaan mereka.
- (f) Berbincang dengan pelajar mengenai penyediaan laporan akhir latihan industri.

- (g) Menyemak laporan akhir latihan industri dan buku log pelajar selepas selesai tempoh latihan berkenaan.
- (h) Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Jawatan Kuasa Latihan Industri.

## **15.0 PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI**

- 15.1 Prestasi pelajar semasa menjalani latihan industri akan dinilai oleh penyelia PPD / kolej kerjasama dan penyelia organisasi. Aspek yang dinilai ialah prestasi kerja, hasil kerja, sahsiah pelajar dan lain-lain.
- 15.2 Pelajar yang menjalani latihan industri akan dinilai berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:
  - (a) Penilaian penyelia PPD / kolej kerjasama.
  - (b) Penilaian penyelia organisasi.
  - (c) Pemeriksaan buku log oleh penyelia PPD / kolej kerjasama.
  - (d) Pemeriksaan dan pembentangan laporan akhir latihan industri oleh pensyarah PPD / kolej kerjasama.
- 15.3 Penilaian Penyelia PPD / Kolej Kerjasama
  - (a) Prestasi pelajar semasa menjalani latihan dinilai oleh penyelia PPD / kolej kerjasama berdasarkan kepada temubual dan maklumbalas dengan pelajar dan penyelia organisasi atau pemerhatian pengajaran pelajar. Antara aspek yang dinilai ialah kefahaman, komitmen, penyesuaian, tahap disiplin dan kualiti kerja yang diberikan.

- (b) Penyelia PPD / kolej kerjasama hendaklah menilai prestasi pelajar dengan menggunakan **Borang Penilaian Penyelia UTM**. Borang yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri sebaik sahaja selesai lawatan penyeliaan dijalankan.
- (c) Bagi Program Pendidikan Pengajian Islam, penilaian penyelia PPD hendaklah dijalankan secara berkala setiap 4 minggu sepanjang tempoh latihan industri.

#### 15.4 Penilaian Penyelia Organisasi

- (a) Penyelia organisasi hendaklah menilai pelajar dari segi prestasi kerja, hasil kerja dan pembinaan sahsiah dengan menggunakan **Borang Penilaian Penyelia Industri**.
- (b) Borang Penilaian Penyelia Industri hendaklah diserahkan kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri pada hari terakhir tempoh latihan industri (minggu 16) atau sehingga hari pembentangan laporan akhir latihan industri diadakan
- (c) Walau bagaimanapun, pelajar program Diploma Pengurusan Harta Tanah dikehendaki meneruskan latihan industri sehingga tamat tempoh yang telah ditetapkan dan melengkapkan baki buku log. Prestasi pelajar pula akan direkodkan oleh penyelia industri menerusi **Borang Laporan Prestasi Keseluruhan Pelajar**.
- (d) Sekiranya organisasi mendapati pelajar bermasalah, perkara ini perlu dilaporkan oleh organisasi dengan menggunakan **Borang Pelajar Bermasalah**.

## 15.5 Buku Log

- (a) Buku log yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri pada hari terakhir tempoh latihan industri (minggu 16) atau sehingga hari pembentangan laporan akhir latihan industri diadakan.
- (b) Bagi Program Pengajian Pendidikan Islam, buku log atau rancangan pengajaran harian hendaklah diserahkan kepada penyelia PPD secara berkala sebelum penilaian penyeliaan UTM diadakan.
- (c) Penyelia PPD / kolej kerjasama hendaklah menilai prestasi kerja yang dinyatakan di dalam buku log dengan menggunakan **Borang Penilaian Buku Log**.
- (d) Walau bagaimanapun, pelajar program Diploma Pengurusan Harta Tanah dikehendaki menghantar baki buku log pada hari terakhir tempoh latihan industri atau satu minggu selepas tempoh latihan industri tamat kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri.

## 15.6 Laporan Akhir Latihan Industri

- (a) Pelajar dikehendaki menyediakan laporan akhir latihan industri dan akan diberikan gred oleh penyelia PPD. Bagi program Diploma Pengajian Pendidikan Islam, laporan akhir latihan industri terdiri daripada Laporan Rancangan Orientasi Sekolah dan Refleksi Kendiri. Panduan dan format penyediaan laporan akhir latihan industri seperti dinyatakan semasa taklimat dijalankan.

- (b) Laporan akhir latihan industri hendaklah diserahkan kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri pada hari terakhir tempoh latihan industri (minggu 16) atau sehingga hari pembentangan laporan akhir latihan industri diadakan atau sehingga tempoh latihan mengajar tamat.
- (c) Satu salinan laporan akhir latihan industri hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri. Sekiranya pelajar gagal menyerahkan laporan latihan industri, pelajar dianggap telah gagal kursus ini.
- 15.7 Pecahan komponen penilaian latihan industri mengikut program adalah seperti berikut:

**(a) Program Diploma Kejuruteraan**

Jadual 2 – Komponen Penilaian Latihan Industri 8 kredit Program Diploma Kejuruteraan

Komponen Penilaian	Peratus (%)
Buku Log	20
Penilaian Etika Penyelia Organisasi	10
Penilaian Penyelia Organisasi	50
Penilaian Penyelia PPD	20
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Jadual 3 – Komponen Penilaian Latihan Industri 4 kredit Program Diploma Kejuruteraan

Komponen Penilaian	Peratus (%)
Laporan Akhir	60
Pembentangan	40
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

**(b) Program Diploma Bukan Kejuruteraan (Selain Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam)**

Jadual 4 – Komponen Penilaian Latihan Industri 8 kredit Program Diploma Bukan Kejuruteraan (Selain Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam)

<b>Komponen Penilaian</b>	<b>Peratus (%)</b>
Buku Log	20
Penilaian Penyelia Organisasi	50
Penilaian Penyelia PPD	30
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Jadual 5 – Komponen Penilaian Latihan Industri 4 kredit Program Diploma Bukan Kejuruteraan (Selain Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam)

<b>Komponen Penilaian</b>	<b>Peratus (%)</b>
Laporan Akhir	70
Pembentangan	30
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

**(c) Program Diploma Pengurusan Harta Tanah**

Jadual 6 – Komponen Penilaian Latihan Industri 10 kredit  
Program Diploma Pengurusan Harta Tanah

Komponen Penilaian	Peratus (%)
Buku Log	20
Penilaian Penyelia Organisasi	30
Penilaian Penyelia PPD	10
Laporan Akhir	30
Pembentangan	10
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

**(d) Program Diploma Pengajian Pendidikan Islam**

Jadual 7 – Komponen Penilaian Latihan Industri 8 kredit  
Program Diploma Pendidikan Islam

Komponen Penilaian	Peratus (%)
Rancangan Pengajaran Harian	35
Laporan Rancangan Orientasi Sekolah	15
Refleksi Kendiri	5
Penilaian Penyelia PPD	45
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

**16.0 SYARAT LULUS LATIHAN INDUSTRI**

16.1 Semua pelajar wajib membentangkan laporan akhir latihan industri kepada Jawatan Kuasa Latihan Industri kecuali pelajar Diploma Pengajian Pendidikan Islam.

16.2 Penyelia PPD / kolej kerjasama dikehendaki memperakukan status lulus atau gagal bagi kursus latihan industri dan memberikan gred bagi kursus Laporan Latihan Industri semua pelajar. Bagi program Diploma Pengurusan Harta Tanah dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam, gred hendaklah diperakukan kepada keseluruhan kursus.

16.3 Skala penilaian adalah berdasarkan kepada Jadual 8 berikut:

Jadual 8 - Syarat Lulus Latihan Industri

<b>Semua Program Kecuali Diploma Pengurusan Harta Tanah Dan Diploma Pengajian Pendidikan Islam</b>		
<b>Latihan Industri (HW – 8 kredit)</b>	<b>Laporan Latihan Industri (Bergred – 4 kredit)</b>	<b>Keputusan</b>
Lulus (≥ 50%)	D+ dan ke atas	Lulus Latihan Industri dan Laporan Latihan Industri (bergred).
	D dan ke bawah	Pembetulan dan pembentangan semula Laporan Latihan Industri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pembentangan. Sekiranya lulus, pelajar akan memperolehi sekurang-kurangnya gred D+. Jika pelajar gagal, pelajar dikehendaki ulang kedua-dua kursus.
Gagal < 50%	Sebarang gred	Jika pelajar gagal, pelajar dikehendaki ulang kedua-dua kursus
<b>Diploma Pengurusan Harta Tanah</b>		
<b>Latihan Industri (Bergred – 10 kredit)</b>	<b>Keputusan</b>	
D+ dan ke atas	Lulus	


D dan ke bawah	Pembetulan dan pembentangan semula Laporan Latihan Industri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pembentangan Sekiranya lulus, pelajar akan memperolehi sekurang - kurangnya gred D+. Jika pelajar gagal, pelajar dikehendaki ulang kursus.
<b>Diploma Pengajian Pendidikan Islam</b>	
<b>Praktikum (Bergred – 8 kredit)</b>	<b>Keputusan</b>
D+ dan ke atas	Lulus
D dan ke bawah	Gagal dan pelajar dikehendaki ulang kursus.

## 17.0 PLAGIAT / CIPLAK

- 17.1 Plagiat didefinisikan sebagai “menggunakan hasil kerja orang lain tanpa memberi pengiktirafan kepada mereka, sebagai hasil kerja sendiri’. Idea dan penulisan yang diambil dari sesuatu sumber tanpa menyatakan sumber asalnya adalah plagiat.
- 17.2 Berikut adalah perkara-perkara yang dianggap plagiat:
- (a) Peniruan secara langsung petikan dari teks seolah-olah penulisan sendiri. Petikan berkenaan mestilah diolah dengan menggunakan perkataan sendiri dan dinyatakan sumbernya.
  - (b) Idea yang diambil terus dari sesuatu rujukan tanpa menyatakan sumbernya sepatutnya mesti diletakkan dalam bentuk petikan dan dinyatakan sumbernya.

- (c) Maklumat lanjut berkenaan plagiat boleh dirujuk dalam Gaya Dewan (Edisi Ke 3, 2023).

## 18.0 JAWATAN KUASA LATIHAN INDUSTRI PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA SPACE



## 19.0 PENUTUP

Melalui perlaksanaan latihan industri yang terancang, menepati bidang pengkhususan yang diikuti oleh pelajar semasa sesi pengajian, diharapkan semua pelajar, industri dan PPD mendapat faedah serta dapat memainkan peranan masing-masing dalam memberi sumbangan ke arah pembangunan negara.

## **ADENDUM**

### Penggantian Klausua 6

Dengan ini, Klausua 6.0 di dalam Buku Panduan Latihan Industri Edisi Ke Enam digantikan dengan yang berikut:

#### **6.0 PENGGANTIAN LATIHAN INDUSTRI**

- 6.1 Penggantian latihan industri adalah dibenarkan untuk pelajar yang mempunyai pengalaman kerja minimum selama lima (5) tahun di dalam bidang yang sama dengan bidang pengajian yang diikuti dan terbukti mempunyai tahap kepakaran atau kemahiran yang setara dengan latihan industri yang dijalankan.
- 6.2 Kaedah penggantian latihan industri adalah seperti berikut:
  - (a) Pelajar dikehendaki menjalani latihan industri di tempat kerja semasa.

**Atau**

- (b) Pelajar dikehendaki menggantikan latihan industri dengan projek yang mana hasil pembelajaran, mekanisme, kriteria dan keperluan lain adalah setara dengan latihan industri. Sekiranya projek telah ditawarkan di dalam kurikulum semasa, kombinasi kursus elektif yang berkaitan dengan bidang pengajian boleh ditawarkan.
- 6.3 Bagi program yang mempunyai badan professional, ketetapan pelaksanaan penggantian latihan industri adalah tertakluk kepada badan professional yang berkaitan.

- 6.4 Jumlah kredit bagi penawaran projek atau kombinasi kursus elektif hendaklah sama dengan nilai kredit latihan industri.
- 6.5 Pelaksanaan penggantian latihan industri ini adalah tidak termasuk kepada pelajar yang sedang bekerja dalam bidang

Penggantian klausa ini berkuatkuasa kepada semua pusat akademik bermula ambilan sesi 2024/2025 semester 1.

Disediakan oleh:

**Jawatan Kuasa Latihan Industri  
Pusat Pengajian Diploma SPACE  
Universiti Teknologi Malaysia  
Jalan Semarak, 54100 Kuala Lumpur.**

Segala pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:

**Program Diploma Sepenuh Masa**  
No. Tel. 03 - 2615 4388 /4710 /4357

**Program Diploma Kerjasama**  
No. Tel. 03 - 27286583

**Program Diploma Separuh Masa**  
No. Tel. 03 - 27286573

Laman Web: <http://utmspace.edu.my>



Sekolah Pendidikan  
Profesional dan  
Pendidikan  
Berterusan  
(SPACE)

Pusat Pengajian Diploma SPACE  
Universiti Teknologi Malaysia,  
Jalan Sultan Yahya Petra,  
54100 Kuala Lumpur  
Tel: 603 - 2615 4357  
Fax: 603 - 2615 4990  
<http://space.utm.my>



ANUGERAH HARTA  
INTELEK NEGARA 2010  
Kategori Organisasi  
2006, 2009 & 2010



ANUGERAH MERDEKA 2009  
Pencapaian Ulung Akademik dan  
Kesihatan, Sains & Teknologi



ANUGERAH JENAMA  
YANG DIPERCAYAI  
Reader's Digest 2010  
Kategori Universiti